

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Essential PrimeBuilder

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Essential PrimeBuilder. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Essential PrimeBuilder adalah satu pelan insurans hayat tanpa penyertaan dengan tempoh pembayaran premium 8-tahun yang menyediakan perlindungan insurans sehingga Orang yang Diinsuranskan berumur 88 tahun. Bermula dari akhir tahun polisi ke-5, Bayaran Tunai Terjamin (GCP) akan mula dibayar setiap akhir tahun sehingga kematangan polisi atau apabila berlaku kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK), atau penyerahan polisi, mengikut mana yang lebih awal.

Apabila berlaku Kematian atau HUMK Orang yang Diinsuranskan, satu amaun yang bersamaan dengan Jumlah yang Diinsuranskan Asas atau jumlah Bayaran Tunai Terjamin (GCP) yang belum dibayar, mengikut mana yang lebih tinggi, akan dibayar secara sekaligus. Di samping itu, jika HUMK yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan adalah diakibatkan oleh kemalangan, 100% jumlah Bayaran Tunai Terjamin (GCP) yang belum dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat HUMK.

Polisi ini tidak mengambil bahagian untuk berkongsi keuntungan Syarikat.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- i. Kematian - jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang belum dibayar atau Jumlah Yang Diinsuranskan Asas, berdasarkan mana-mana amaun yang lebih tinggi; dan
- GCP terkumpul (jika ada).
- ii. Hilang Upayag Menyeluruh dan Kekal (HUMK)* - jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang belum dibayar atau Jumlah Yang Diinsuranskan Asas, berdasarkan mana-mana amaun yang lebih tinggi; dan
- GCP terkumpul (jika ada).
- iii. Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan* - tambahan 100% daripada jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang belum dibayar (GCP) akan dibayar jika HUMK adalah disebabkan oleh kemalangan.
- iv. Bayaran Tunai Terjamin (GCP) - RM bermula dari akhir tahun polisi ke-5 hingga tahun polisi ke-14 dan meningkat sehingga;
- RM bermula dari akhir tahun polisi ke-15 dan seterusnya.
- v. Nilai Serahan - Nilai Tunai * bersama dengan GCP yang terkumpul (jika ada);
- vi. Manfaat Kematangan - bayaran GCP terakhir bersama dengan GCP terkumpul (jika ada).

*Nota:

- Manfaat HUMK & HUMK akibat Kemalangan akan berhenti pada ulang tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan telah mencapai umur 65 tahun.
- Manfaat HUMK adalah tertakluk kepada maksimum RM3 juta setiap hayat bagi semua polisi tidak berkaitan kredit di bawah Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
- Manfaat HUMK akibat Kemalangan adalah tertakluk kepada maksimum RM2 juta setiap hayat untuk diagregat dengan semua polisi dengan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
- Polisi ini hanya akan memperolehi Nilai Tunai diberikan polisi telah berkuatkuasa untuk 3 tahun penuh dan premium yang perlu dibayar telah dibayar.

Tempoh: Sehingga berlakunya kematian / HUMK Orang yang Diinsuranskan, penyerahan, kematangan Polisi, mengikut mana yang lebih awal.

3. Berapakah premium * saya perlu bayar?

Premium asas yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan kami.

- Anggaran jumlah premium asas yang anda perlu membayar: < Jumlah Premium >

Tempoh pembayaran premium asas: 8 tahun, sehingga Orang Yang Diinsuranskan berumur hari jadi berikutnya.

*** Sila rujuk muka surat 2 daripada ilustrasi jualan untuk anggaran jumlah premium (termasuk premium rider) yang anda perlu bayar.**

Catatan:

- Polisi ini memberikan tempoh tangguh 30 hari, di mana memberi anda masa tambahan selepas tarikh pembayaran premium untuk membayar premium.
- Kadar premium di atas adalah berasaskan risiko piawai sahaja. Satu nilai tambahan pada premium akan dikenakan pada risiko tidak piawai berdasarkan kajian dan kelulusan pengunderaitan.
- Kadar premium untuk produk ini adalah DIJAMIN.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Tiada.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi ini dengan notis bertulis dan penghantaran balik dokumen polisi kepada kami dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran polisi ini kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak apa-apa fi perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik kepada anda.
- Pemberitahuan Tuntutan - pemberitahuan bertulis mesti diberikan kepada kami dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kematian dan enam (6) bulan dari tarikh HUMK.

Catatan: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.



6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat Kematian
 - bunuh diri ketika siuman atau tidak siuman dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, mengikut mana yang lebih kemudian; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
 - cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami ketika di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan;
 - kecederaan yang dialami ketika menyertai dalam pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan yang berbahaya;
 - sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial berjadual tetap);
 - pelayaran kapal selam;
 - perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
 - sebarang bentuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) yang wujud pada permulaan atau pengembalian Polisi ini; mengikut mana yang lebih kemudian;
 - rusuhan dan kekecohan awam, menyerang atau aktiviti-aktiviti penganas;
 - melanggar undang-undang atau melawan untuk ditangkap;
 - Keadaan Sedia Ada.
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan
 - sebarang penyakit yang disebabkan oleh kejadian yang tidak berkaitan dengan kemalangan;
 - cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang ditimbul ketika di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan;
 - kecederaan yang ditimbul semasa mengambil bahagian dalam pertandingan kelajuan atau daya ketahanan yang membahaya;
 - Sebarang aktiviti penerbangan (tidak termasuk perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pesawat udara yang dikendalikan oleh Sistem Penerbangan Antarabangsa dan dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang mengikut laluan komersil berjadual yang biasa);
 - pelayaran kapal selam;
 - perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut dan aeronautik;
 - pelanggaran undang-undang atau menentang untuk ditahan;
 - sebarang bentuk hilang upaya dan HUMK yang wujud pada permulaan atau pengembalian Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian;
 - peperangan sama ada diisytihar atau tidak diisytihar, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti penganas;
 - Keadaan Sedia Ada;
 - Hernia, ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogen yang berlaku dengan dan melalui luka kemalangan); atau
 - Racun, gas atau asap (diambil, diberi, diserap atau disedut secara sengaja atau tidak sengaja).

* Keadaan sedia ada bermaksud hilang upaya di mana Orang yang Diinsuranskan mempunyai pengetahuan yang sewajar terhadapnya. Seorang Orang yang Diinsuranskan akan dianggap mempunyai pengetahuan yang sewajar tentang suatu keadaan sedia ada jika keadaan tersebut adalah salah satu daripada di mana:

- Orang yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
- simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
- kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.

Catatan: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai pengecualian yang lengkap di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli satu polisi hayat adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda akan luput kecuali polisi anda telah memperolehi nilai tunai. Jumlah tunai yang Syarikat akan bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi ini sebelum tempoh matang akan lebih kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.



9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans hayat, sila rujuk kepada buku panduan insuranceinfo tentang 'Insurans Hayat', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan dari wakil-wakil jualan. Secara alternatif, anda boleh layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Aras Bawah, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2059 6188
Faks : 03-2162 8068
E-mail : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Sila tanya kami / wakil jualan anda untuk pelan lain yang seumpama.

MAKLUMAN PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373(6171-M)] adalah pengedar pelan insurans ini dan teralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 12/10/2018.